

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

PDP 478 Kaedah Mengajar Kesusasteraan

[3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan semuanya. SATU soalan dari setiap Bahagian A, B, C dan D.

BAHAGIAN A

Soalan 1

SAMA ADA

Huraikan 3 (tiga) teori mengenai kesusasteraan; dalam huraian anda cuba perlihatkan hubungan teori-teori itu dengan matlamat pendidikan kesusasteraan.

ATAU

Soalan 2

Pendekatan mengajar kesusasteraan di sekolah-sekolah menengah atas yang diamalkan oleh kebanyakan guru-guru tidak secocok dengan matlamat pendidikan kesusasteraan yang sebenar. Bincangkan kenyataan di atas dengan mengemukakan hujah-hujah yang jitu.

[25 markah]

BAHAGIAN B

Soalan 3

SAMA ADA

Perancangan mengajar kesusasteraan meliputi banyak aspek. Bincangkan maksud perancangan aspek-aspek tersebut dengan memperlihatkan contoh-contoh yang jelas.

...2/-

ATAU

Soalan 4

Halkan bagaimana perancangan mengajar sebuah novel perlu dilakukan oleh seorang guru sastera dengan memperlihatkan peringkat-peringkat pembelajaran yang praktikal.

[25 markah]

BAHAGIAN C

Soalan 5

Pilih salah sebuah karya yang dilampirkan (Lampiran A, B dan C).

- [a] Bagi karya yang anda pilih, berikan satu tajuk pelajaran yang anda fikir sesuai dengan mengemukakan alasan kenapa anda pilih tajuk tersebut.
- [b] Tulis satu objektif am dan beberapa objektif khas yang anda fikir dapat dicapai oleh pelajar-pelajar anda dalam Tingkatan 4 bagi satu waktu pelajaran.
- [c] Nyatakan apakah aktiviti-aktiviti yang anda fikir dapat dilaksanakan supaya objektif-objektif tersebut dapat dicapai dengan berkesan.

[25 markah]

BAHAGIAN D

Soalan 6

SAMA ADA

Banyak kegiatan yang dapat dimainkan oleh seorang guru sastera di sekolahnya. Sebagai seorang guru sastera di Tingkatan Enam dan sebagai penasihat Kelab Sastera di sekolah anda, nyatakan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang dapat memajukan penghayatan sastera dan kebudayaan kebangsaan Malaysia.

ATAU

Soalan 7

Nyatakan pendapat anda mengenai pendedahan karyasastera terjemahan dari rantaui ASEAN dan dari seluruh dunia kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah.

[25 markah]

-- 0000000000 --

...3/-

PAK UTIH

Shahnon Ahmad

KEPADA Pak Utih sekeluarga, rancangan itu besar tanpa ukuran. Lebih besar dari raksasa. Dan untuk mencapai kesayaan seratus peratus pasti memerlukan persiapan yang seratus peratus pula. Yang penting sekali ialah wang. Ini syarat nombor satu. Tanpa wang, tanpa rancangan. Tanpa satu apa. Tapi syarat ini sama sekali tidak digaduhkan. Padi yang sepuluh relung itu sedang menghijau subur. Ada tanda-tanda yang perolehan tahun ini akan melipat ganda. Harga sudah melangit. Wang akan mencurah-curah macam air terjun, fikir Pak Utih.

Syarat nombor dua yang tidak juga kalah ialah pakaian mereka sekeluarga. Pak Utih tidak sanggup membiar orang kota mengejek-ngejek keluarganya semata-mata kerana berpakaian rompong-rompong. Untuk Mak Utih saja sekurang-kurangnya sehelai baju warna merah hijau merah. Untuk lima orang anak lelakinya, Pak Utih terpaksa menyediakan lima buah songkok empat inci tinggi. Kalau tak boleh baldu Belanda cap crown pun, baldu Madras sudah cukup. Dia juga tak sanggup anak-anaknya berdogol di kala ke kota nanti. Malulah kalau tidak senonoh di tengah-tengah orang ramai.

Untuknya tak perlu apa-apa kerana dia rasa dia sudah tua. Memakai apa pun orang tidak akan berpaling muka. Tapi Pak Utih rasa dia perlu menyelit sebilah wali baru di pinggang. Siapa tahu? Ada nanti anak-anak muda di kota Alor Star yang cuba berkelakuan kurang ajar terhadap Mak Utih. Aku sang-

gup memecah tapak empat di tengah-tengah kota, fikir Pak Utih sambil memiciti-micit daging ketul yang berbonggok-bonggok di lengannya.

Syarat nombor tiga juga tidak kurang pentingnya: kesihat-an keluarga. Mengikut Pak Utih, syarat ini sepatutnya ditem-patkan di nombor dua. Kesihatan keluarganya lebih penting daripada pakaian. Kalau salah seorang di antara keluarganya jatuh sakit, rancangan raksasa untuk ke kota tidak akan diteruskan. Pak Utih tidak lupa meminta doa kepada Tuhan agar terselamat dari sebarang malapetaka; sekurang-kurangnya dalam sebulan dua ini.

Dua tahun dulu rancangannya gagal kerana betul-betul padi masak Mak Utih jatuh tangga dapur. Terpelecek kaki kirinya. Sebulan lebih meringkuk di kamar tidur. Tahun sudah, selesai saja mengerat, anaknya yang tengah tumbuh bisul di daging punggung.

Mula-mula mereka muafakat juga hendak berangkat ke kota, tapi bisul Si Hamid tidak juga mau pecah. Malulah kalau Si Hamid berjalan kangkang-tempang di tengah kota. Dan lebih malu lagi kalau bisul itu terus pecah dalam kedai mamak nasi. Dibatalkan juga rancangan tahun sudah.

Tahun ini nampaknya mereka semua dipeliharaikan Tuhan. Semua sihat-sihat belaka. Pasti mereka boleh melihat kota Alor Star kali ini. Dan minat untuk ke kota itu bertambah lagi bulan sudah, di kala Cikgu Hadi pulang bercuti di kam-pung. Seronok betul Cikgu Hadi bercerita:

“Alor Star sekarang bukan macam dulu,” mula Cikgu Hadi, “Semua serba baru. Orang macam ulat. kereta macam semut. Dan rumah-rumah kerajaan pun lebih tinggi dari pokok kelapa tunggal. Aduh! Macam syurga Tuhan saja.”

Mendengar sebutan syurga Pak Utih membelikkan mata. Terbayang di matanya berjejal-jejal kereta pergi masuk. Bibir mulut Mak Utih tersengih. Kalau tak jadi apa-apa, padi masak ini ke syurgalah mereka. Budak-budak yang lima orang mengellingsi Cikgu Hadi sudah pandang memandang.

“Berangkatlah ke Alor Star sesudah mengerat ini,” seru

Cikgu Hadi, "Apa yang hendak dibuat dengan wang banyak.

pesona pelosit.

"Jadi?" soal Pak Utih samar-samar.

Pak Utih tidak menjawab. Cuma kepalaanya saja meng-

"Jadi apa pak?" soal Cikgu Hadi kembali.

angguk-angguk macam belatuk galak. Di matanya masih

Cikgu Hadi mengangguk.

terbayang syurga. Kereta-kereta berasmut di jalan raya. Ru-

mah-rumah besar meninggi galah. Dan orang berhimpitan.

Lama baru Pak Utih membuka mulut.

"Betul!" tegasnya, "Betul bagaimana kata Cikgu Hadi tu.

Setahun sekali apa salahnya. Pak menteri, orang-orang besar yang jarang-jarang datang ke kampung bersyarah, selalu menegah orang-orang kampung menghabiskan wang di kota-kota. Kata mereka orang-orang kampung cuma mengisi kantung Cina saja. Kita nak seronok setahun sekali pun tak diberinya."

"Apa kata mereka?" soal Cikgu Hadi meminta penjelasan lebih lanjut.

"Kata mereka, orang-orang kampung semua bodoh. Pergi ke kota setahun sekali menghabiskan wang. Cina di kota riang melihat kebodohan orang-orang kampung. Mereka sedia menyembelih orang-orang seperti pak ini. Tapi bodoh tak bodoh pun apa peduli orang-orang besar. Hati orang kampung seronok walaupun ditipu. Kami rasa dada kami lapang. Dan ini cuma setahun sekali cikgu. Cuma setahun sekali."

"Memang begitulah di mana-mana pun pak," potong Cikgu Hadi, "Orang-orang kota cuma pandai pukul gebang saja. Masuk kampung nasihat supaya berjimat cermat. Tapi kalaun hendak berjimat apa pun, hati mahu juga seronok. Kalau tidak setiap hari, setahun sekali pun memadai lah. Orang-orang besar itu bukan seronok setahun sekali sebagaimana kita di kampung.

Bukan lima bulan sekali. Bukan sebulan sekali. Bukan seminggu sekali. Tapi tiap-tiap hari dan tiap-tiap malam. Dan mereka pun membuat wang lebih dari kita. Macam-macam salurannya. Ada angkat botol air hitam. Ada perempuan. Ada macam-macamlah pak."

Pak Utih mengeluh lanjut. Mak Utih lebih lanjut lagi

keluhannya. Budak-budak keliling tercengang macam terpesona pelosit.

"Berangkatlah Pak. Jangan dengar cakap orang sangat

sekarang ini. Habis duit pun tidak apa. Kita yang punya.

Hati kita yang seronok."

Pak Utih mengangguk tanda setuju. Mak Utih pun mengangguk; barangkali tanda setuju juga.

"Tak apalah. Nanti habis mengerat dan serah padi guni pada Ah Chong, kami tujuh beranak akan berangkat dan bermalam di Hotel Cina. Ingin benar tidur atas tilam berselimut gebar merah Cina."

Budak-budak melompat-lompat. Mak Utih tersengih legi. Dan beberapa minit kemudian, Cikgu Hadi pun pulanglah.

Alor Star Hari Sabtu. Penduduk-penduduk segenap pelosok membanji kota. Sesak bukan main-main Mulai dari Pejabat Pos Besar hingga ke Klinik Arasu, orang tak mampu dihitung. Berjejal-jejal, berhimpitan macam di padang mahsyar yang sering kita dengar tuk-tuk imam tua baca kitab. Pak Utih sekeluarga sampai jam sembilan.

Dan perkara pertama dia lakukan apabila turun dari bas Pokok Sena ialah memberi salam kepada seorang pemuda berkumis yang sedang bercekak pinggang di tepi pintu bas. Pemuda berkumis itu membeliukkan mata sambil menghembus asap rokok ke muka Pak Utih. Pak Utih radang bukan buatan sambil tangan kanannya meraba-raba wali yang ter-

selit kukuh di pinggang.

"Jahil betul orang-orang di sini." Pak Utih memberitahu isterinya yang sedang mengekorinya, "Orang beri salam pun tak diendahkan."

"Biarkan," sahut Mak Utih, "Nanti di neraka Tuhan membakar mereka sampai hangus."

Pak Utih mengangguk sambil mulutnya berkumat-kamit menyebut nama Tuhan. Anak-anaknya yang lima orang sudah berderet mengikuti mereka. Sejak dari rumah tadi Pak Utih sudah memesan agar jangan berenggang jauh. Takut kalau ditangkap polis yang bertopi putih. Pak Utih sendiri mengepalai rombongan tujuh orang itu. Dan berderedah mereka dari stesen bas mengikut Jalan Langgar menuju hala ke Malay Bazaar.

Sampai di tempat menjual minyak Mobilgas, anaknya yang bongsu meminta berhenti sekejap untuk melihat orang-orang menjual minyak. Pak Utih tidak membantah. Dan ketujuh-tujuh anak itu pun bertinggunglah di sisi kedai itu melihat kereta hisap minyak lepas sebuah-sebuah. Dua tiga orang budak-budak muda dalam kedai minyak berbisik-bisik sambil memerhati ketujuh-tujuh orang yang bertinggung itu.

Pak Utih sempat melihat kelakuan budak-budak yangki itu. Dan tangan kanannya terus melihat nombor-nombor di tempat pam minyak itu berpusing-pusing. Hairan bukan main-main. Barangkali barang-barang ini salah yang dibuat oleh

Tunku Abdul Rahman sesudah merdeka ini. Pak Utih rasa megah. Dan lebih megah lagi di kala dia teringat gambar Tunku Abdul Rahman tergantung di tiang tengah pondoknya.

Dari situ mereka berjalan lagi memepi jalan. Mereka tidak berhenti di Malay Bazaar kerana orang begitu merumut. Mengikut Pak Utih biar mereka pergi cari hotel untuk bermalam dulu. Nanti malam pula mencarinya. Puas juga mereka mencari. Tiap kali ditanya; tak kira kedai apa. Tapi Cina itu tak seorang pun menjawab.

Pak Utih kira orang-orang di kota ini sudah masuk syaitan. Mengapa mereka tidak pergi berubat dengan bomoh Sudin

di Ujung Alor. Kesudahannya mereka dapat juga bertemu dengan Cina yang mahu bercakap. Cina yang mahu bercakap itu Cina tua di sebuah hotel. Tapi di kala menyoal tentang sewanya Pak Utih mengangkat keping.

"Apa?" soal Pak Utih, "Semalam tidur lima belas ringgit?" Cina mengangguk. Pak Utih memandang muka Mak Utih. memandang muka anak-anaknya. Anak-anaknya membeliakan mata. Dan dengan air muka itu mereka pun me-lengkah ke luar.

"Kita tidur sajalah di kaki lima." Mak Utih memecah, "Lima belas ringgit tu boleh beli seribu macam."

"Tidur atas simen di kaki lima itu sejuk," balas Pak Utih, "Nanti semua kita dihinggap penyakit untut."

Anak-anaknya mengangguk. Penyakit untut itu bahaya. Kaki besar macam kaki gajah. Apa kerja pun tak boleh buat. Kesudahannya mereka ambil keputusan untuk pergi membeli belah dahulu. Di mana malam di situ kita tidur, fikir Pak Utih.

Pertama sekali mereka tujuh ialah keriting rambut. Ketujuh-tujuh mereka masuk dalam kedai nyonya segak itu. Gempar juga mula-mulanya. Habis nyonya-nyonya yang cantik-cantik itu berlarian. Ada dua tiga orang menjerit kegelisahan. Tapi apabila Pak Utih memberitahu, nyonya-nyonya itu pun faham Pak Utih dan anak-anaknya disuruh tunggu sementara. Mak Utih sudah duduk atas kerusi yang boleh berpusing-pusing. Tiga jam baru habis.

Pendek kata hampir habis seuncangair Pinang Pak Utih. Rambut terselukup macam topi besar askar Punjab. Pak Utih terenyum kerana di kala dia melihat rambut Mak Utih dia teringat rambut isteri tuan D.O. di kampung. Mak Utih sudah barang tentu akan menjadi tempat tumpuan mata apabila pulang ke kampung.

Si Hamid yang tahun sudah tumbuh bisul itu hendakkan jam tangan. Menderu pula mereka memasuki kedai jam. Cina kedai bangun sambil menepuk-nepuk belakang Pak Utih. "Apa macam sikalang?" tegur Cina sambil tersenyum. "Isap rokok ka?" sambil pula nembuta tin rokok tiga lima

dan terus hulur ke tangan Pak Utih. Pak Utih melihat muka Cina dalam-dalam. Di mana kenal dia. Begitu baik orangnya. Barangkali Cina ini pernah masuk kampungnya dulu. Pak Utih sudah lupa agaknya. Kemudian Pak Utih melihat muka Mak Utih menggelengkan kepala. Dia pun sudah lupa barangkali.

'Beginilah kalau orang berbudi bahasa,' bisik Pak Utih dalam hati kecilnya. 'Sayang dia orang kafir dan suka makan babi yang haram itu. Kalau tidak sudah mesti masuk syurga bulat-bulat.'

Tujuh batang rokok ke luar dari sarangnya. Berkepul-kepul asap menggilingi mereka.

"Beli jam ka?" soal Cina sambil tersenyum melebar lagi. Pak Utih mengangguk. Cina terus bawa ke luar dua puluh jam yang bermacam-macam. Berebut-rebut anak-anaknya menyambar. Nampaknya kelima budak mahukan jam tangan. Habis sebatang rokok tiga lima dihisap Pak Utih. Cina hulur sebatang lagi. Pak Utih geleng kepala. Cina menghulur juga. Pak Utih sambar dan terus berhubung puntung.

"Berapa ni?" soal Pak Utih sambil menunjuk-nunjuk jam tangan Silver Star.

"Lima," jawab Cina.

"Lima? Lima apa?"

"Lima puluh."

Pak Utih tersentak. Ada sesuatu terlekat di rengkungnya. "Ini cuma untuk encik saja. Kalau orang lain tak kurang satu ratus. Ini jam orang putih buat. Tahan sampai anak cucu."

Mesra betul Cina ini, fikir Pak Utih. Orang baik tak kan suka bohong. Lalu terus membayar lima puluh. Diberinya jam itu pada Si Hamid. Si Hamid tersengih sambil menyambar jam itu. Anak-anaknya yang lain menarik muka. Dan keluarlah mereka dari kedai itu, kedai Cina yang seratus peratus baik hati itu.

Mak Utih tak sedap badan nampaknya. Sekejap-sekejap mendongak. Sekejap-sekejap geleng-geleng kepala bagaikan ada sesuatu yang terkapuk di kulit kepala barunya.

Jam di tangan Si Hamid sudah menunjukkan pukul satu tengah hari. Panas betul kulit kepala. Lebih panas daripada membanting di padang. Kota Alor Star juga tersesak-sesak. Keluarga Pak Utih menyepi-nyeipi saja di jalan besar. Mereka berjalan atas titi besi dekat 'White Palace'. Sepuluh orang pengemis berderet menghulur tempurung. Pak Utih tak jub kenapa tak seorang pun di antara beribu-ribu orang itu berse-dekah. Betul-betul kurang ajar orang-orang di kota besar ini. Oleh Pak Utih dihulur wang syiling sepuluh sen tiap-tiap seorang. Dia percaya Tuhan tentu membalas kebaikan hatinya apabila masuk kubur nanti.

Sampai di kedai Mamak Maidin dekat Empire Theatre, mereka singgah makan. Mamak tersenyum mula-mulanya. Tapi bukan nasi yang diminta oleh Pak Utih. Cuma air sejuk tujuh gelas sahaja. Mak Utih sudah siap bekalan dari rumah lagi. Bekalan itu terbungkus dalam upih. Dibukanya upih itu atas meja mamak. Dan mulalah sumbat menyumbat. Mamak-manak terbeliaik mata.

Mereka kemudian masuk rumah UMNO yang tak berapa jauh.

"Merdeka!" seru Pak Utih.

Budak pejabat yang sedang bercakap dengan seorang juru-taip menerpa.

"Hei! Sini bukan boleh bising. Ada miting di atas."

Pak Utih semua undur. Suara Tunku Abdul Rahman tak boleh dibantah. Barangkali mereka sedang miting tentang hendak membina titi kayu di kampung.

Untuk anak-anaknya yang empat orang lagi itu Pak Utih membeli empat pasang kasut merah buatan Bata. Tapi apabila disarung di kaki masing-masing, budak-budak itu tak boleh berjalan. Tunut mereka digigit kulit kasut. Dilucutkan kasut itu dan diapit di bawah ketiak masing-masing. Bukanlah lebih mudah berkaki ayam saja.

Kota Alor Star mereka kelilingi hingga hampir senja. Rasa-rasanya mahu putus urat kentut Pak Utih. Mak Utih juga rasa-rasa hendak patah tengkuknya. Kepalanya membuat

Pak Utih 63

benar. Malam itu mereka merengkuk di Masjid Keling. Mula-mulanya mereka bercadang juga hendak melihat kota di waktu malam. Mak Utih seumur hidup belum pernah melihat lampu neon tutup padam. Pak Utih ketagih hendak ke tempat joget. Begitu lama tidak melihat tarian Mak Inang. Tapi masuk saja isyak kesemuanya suda mengeruh. Letih bukan main-main. Lebih letih dari membajak serelung tanah bendang.

Subuh-subuh lagi mereka sudah bangun untuk menangkap bas pertama. Pukul enam setengah sudah berada di tempat bas. Pintu pasar masih belum buka. Seorang Benggali yang berbauk tebal macam bapak randuk melintas. Pak Utih mengisar wali yang terselit di pinggangnya. Tapi Benggali itu terus saja berjalan. Mereka menunggu dalam kedinginan hingga jam tujuh setengah..

Jam tujuh setengah bas bertolak. Tak lama lagi sampailah ke kampung. Pak Utih bercadang hendak memanggil semua sanak-saudaranya berkumpul untuk mendengar cerita tentang kota besar yang dibina oleh Tunku Abdul Rahman itu. Tapi bukan itu saja tujuan besar Pak Utih. Dia rasa perlu juga menunjukkan kepala Mak Utih yang kini sudah berambut keriting.

LAMPIRAN B

Pedoman Belia

*Ingat pesanku wahai belia,
Jangan berdusta jangan perdaya,
Jangan kikir kasihkan kaya,
Jangan boros yang sia-sia,*

*Jangan mengata jangan mengeji,
Jangan aniaya bengis dan benci,
Jangan takabur diri dipuji,
Jangan sekali memungkir janji.*

*Judi dan arak jangan biasa,
Lucah dan cabul jangan selesa,
Usah bermain ular yang bisa,
Lambat bangatnya dapat binasa.*

*Jangan meminjam jangan berhutang,
Jangan meminta bantu sementang,
Bergantung ke orang hendaklah pantang,
Bebas kehidupan sentiasa tatang.*

*Meminjam jangan meminjamkan jangan,
Barang dipinjam kerap kehilangan,
Sahabat peminjam renggang di tangan,
Hutang merosakkan maruah pandangan.*

*Jangan biasakan meminta tolong,
Ke sini terseambah ke sana terlолong,
Ikhtiar sendiri bantut bergulung,
Akhirnya kebolehan lenyap terlelong.*

*Latihlah diri sifat merdeka,
Daya sendiri segenap ketika,
Jangan sompong asal dan baka,
Atau kelebihan adik dan kaka.*

*Padalah itu aku khabari,
Ingalah semua muda jauhari,
Kiranya kabul Allah memberi,
Dirimu jadi pemulih negeri.*

ZA'BA

...9/-

LAMPIRAN C

D1 Perpustakaan

*Melangkah ke ruangmu
satu pertukaran yang kontras
dari kehangatan merata
ke kedinginan yang menerpa
terlalu hening di sini
gua pendita bersemadi
di puncak sepi
di sana sini
kepala-kepala runduk meneliti
mata dan fikir bersebatil.*

*Maju ke ruang buku
terlalu kerdil aku di sini
terapung di laut ilmu
tercurah berzaman
dalam tak terselam
betapa pun kulayari
bahtera ilmu di sini
tak terteroka
yang akan kucatat
hanya setitik dari tinta
yang akan kupetik
hanya sebiji dari mutiara
engkau adalah pusaka moyang
gedung peradaban insan
terhimpun berzaman.*

*Bersemadi di sini
aku adalah pelayar yang dahaga
di dada samudera tak berpantai
betapa pun kuteguk darinya
dahaga tak pernah tangsat.*

SHAFIE ABU BAKAR

-- oooooooo --

